

17 JANUARI 2018

Plastik serbuk jus buah diisi syabu

Plastik serbuk jus buah diisi syabu

KUANTAN - Polis merampas kira-kira 1.8 kilogram (kg) dadah syabu dan 500 biji pil eramin 5 yang kesemuanya bernilai RM64,500 ekoran penahanan seorang lelaki dalam serbuan di Taman Permata di sini kelmarin.

Sebanyak kira-kira 1.6kg syabu yang dirampas dibungkus dalam 200 pekete plastik tertera serbuk jus perisa buah-buahan bertanda logo halal manakala baki syabu itu dirampas dalam bentuk ketulan.

Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Jamaludin Kudin berkata, dalam

serbuan itu polis turut merampas sebuah kereta jenis Perodua Myvi bernilai RM40,000 milik suspek berusia 38 tahun yang juga mempunyai 12 rekod jenayah berkaitan dadah.

"Setiap pekete syabu yang dibungkus dengan plastik bungkus tertera serbuk minuman jus buah-buahan dan mempunyai logo halal itu akan dijual kepada pengujung kelab malam di daerah ini.

"Syabu dalam bungkus plastik tertera serbuk jus buah-buahan itu tidak dicampur dengan serbuk

minuman," kata beliau selepas sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang di sini semalam.

Menurut beliau, siasatan awal pihaknya turut mendapati suspek menjalankan kegiatan mengedar dadah sejak kira-kira 10 tahun lalu dan kerap mendapatkan bekalan di Kuala Lumpur.

Katanya, suspek kini direman tujuh hari sehingga 19 Januari ini untuk disiasat mengikut Seksyen 39B dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati.



JAMALUDIN (tengah) bersama pegawainya menunjukkan dadah syabu yang dibungkus dalam pekete serbuk minuman pada sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen Pahang, Kuantan semalam.